

21 NOV 2002

Mahathir-Bukit

DR M GESA KAJIAN MENYELURUH PEMBANGUNAN DI KAWASAN LERENG BUKIT

PUTRAJAYA, 21 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata satu kajian menyeluruh perlu dilakukan ke atas kawasan pembangunan di atas bukit bagi memastikan tahap keselamatannya terjamin selepas berlakunya tanah runtuh yang meranapkan sebuah rumah banglo di Ampang, yang mengorbankan lapan orang.

Perdana Menteri berkata kerajaan melihat kejadian ini dengan serius.

"Kita kena study betul-betul topografi, keadaan tanah dan kesemua itu. Di tempat-tempat lain juga, bukan saja tempat itu, di mana ada pembangunan dekat dengan bukit atau atas bukit, atau tepi bukit, kita kena akan buat kajian bagi melihat sama ada ia selamat atau tidak," kata beliau.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata demikian kepada para pemberita selepas berbuka puasa dengan pegawai-pegawai Kemenerian Kewangan di sini.

Perdana Menteri menyifatkan tragedi itu sebagai "malang" dan sesuatu yang tidak disangka.

Apabila diberitahu ramai yang berkata perkara ini tidak sepatutnya berlaku, Dr Mahathir berkata: "Saya tahu. Tetapi siapa yang dapat meramalkan di mana ia akan berlaku."

-- BERNAMA

MAM MAM ZB